

21 MAY 1999

Mahathir-Islam

JANGAN GUNA MASJID UNTUK PECAH-BELAHKAN UMMAH, KATA PM

JOHOR BAHRU, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat Islam di negara ini supaya sentiasa bersyukur dan tidak menggunakan masjid untuk memecahbelahkan perpaduan ummah.

"Kita harus menggunakan masjid dengan cara yang baik kerana ini adalah satu nikmat yang kita dapati," katanya ketika merasmikan Masjid Felda Taib Andak di Kulai, dekat sini, hari ini.

Katanya, masyarakat Islam di negara ini jauh lebih bernasib baik berbanding masyarakat Islam lain di dunia yang sesetengahnya tidak dapat bersembahyang berjemaah dengan sempurna kerana negara mereka tidak aman.

"Kadang-kadang masjid diroboh, mereka diserang musuh, dibunuh dan dihalau dari rumah. Kita bernasib baik dan harus bersyukur dengan nikmat yang kita dapat yang begitu banyak di negara kita," katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, masyarakat Islam di negara ini harus ingat bahawa mereka lebih bernasib baik berbanding orang Islam lain di dunia ini kerana dapat bersembahyang dalam keadaan yang sempurna dan selamat.

Perdana Menteri berkata menjadi kewajipan kerajaan untuk membina masjid bagi kegunaan umat Islam di negara ini kerana di samping dapat menunaikan ibadah, umat Islam juga dapat menggunakan masjid untuk merapatkan silaturahim.

Dr Mahathir berkata beliau berasa sedih kerana di sesetengah tempat masjid telah disalahgunakan.

Katanya, adalah amat malang sekali kalau masjid digunakan untuk memecahbelahkan orang Islam, melempar fitnah kepada orang tertentu dan lebih buruk lagi masjid digunakan untuk memaki hamun orang.

"Masjid yang dibina oleh kerajaan kadang-kadang digunakan untuk mengutuk kerajaan. Kalaupun perlu untuk mengutuk kerajaan, buatlah di tempat lain," kata beliau.

Menurutnya, masjid ialah untuk umat Islam berkumpul dan bersatu padu dan bukan untuk tujuan mengutuk dan memaki hamun orang lain.

Perdana Menteri berkata kadang-kadang rakyat negara ini terlalu berpendapat bahawa mereka terselamat dan boleh buat apa sahaja.

"Sebenarnya kita tidak begitu selamat kalau kita berpecah-belah. Kita tidak mungkin dapat mempertahankan diri dan agama kita. Ini sesuatu yang nyata," kata beliau.

Dr Mahathir berkata jika rakyat berpecah-belah mereka akan menjadi lemah walhal agama menyuruh umatnya supaya bersatu padu dan menganggap orang Islam, baik yang dekat mahupun yang jauh, sebagai saudara.

Bagaimanapun, beliau berkata oleh kerana kepentingan politik ada pihak yang sanggup menyalahgunakan masjid dengan bukan sahaja memaki hamun orang tetapi juga mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Politik dan agama tidak boleh dicampuradukkan, kata Dr Mahathir.

"Politik orang Islam ialah politik melawan orang yang menjadi musuh kepada orang Islam, bukan politik bagi parti-parti tertentu melawan parti lain. Itu bukan politik Islam, itu adalah politik parti," katanya.

Perdana Menteri berkata yang dimaksudkan dengan tanggungjawab politik orang Islam ialah bukan memihak kepada parti tertentu.

"Apabila kita memihak kepada parti tertentu, mungkin kita sengaja menyalah-tafsirkan agama Islam supaya kita mendapat sesuatu untuk parti kita, bukan untuk agama Islam tetapi untuk parti kita," kata beliau.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani

Othman dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam.
-- BERNAMA
MKO ZKS NMO